

10 OCT 2000

MESYUARAT RCS AKAN TUMPUKAN PADA ISU-ISU PENTING MASA DEPAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Pelbagai isu penting berhubung masa depan 54 anggota Komanwel dalam konteks global sekarang akan diberi tumpuan pada mesyuarat antarabangsa dua tahun sekali Royal Commonwealth Society (RCS) Jumaat ini.

Mesyuarat itu juga akan menumpukan kepada persiapan bagi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Brisbane 2001 serta isu-isu penting mengenai masa depan RCS sendiri.

Mesyuarat itu, yang pertama akan diadakan di sini, di Kelab Komanwel Damansara, akan mengumpulkan wakil-wakil dari 35 negara, menurut satu kenyataan RCS hari ini.

Ia akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang merupakan penaung cawangan RCS Malaysia.

RCS merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang berusaha menggalakkan pengetahuan dan pemahaman mengenai keadaan dan kedudukan Komanwel serta dasar-dasar kerajaannya.

-- BERNAMA  
HIS AHH RON